

Berganding bahu bina negara

1984 7 Aug 1986

ALOR STAR, Sabtu — Tidak ada negeri yang boleh memerintah dan mentadbir dengan sendirinya tanpa sokongan dan kerjasama dengan negeri-negeri lain dalam Malaysia, tegas Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, moto pada lambang Malaysia *Bersekutu Bertambah Mutu* membawa makna setiap negeri di negara ini perlu bersatu padu dan berganding bahu dalam segala lapangan.

Menurutnya, sesebuah negeri terlalu lemah untuk berbuat sesuatu apa pun, tetapi kerana ia bersetuju bekerjasama dan berganding bahu untuk menentukan kesejahteraan negara, bukan sahaja persekutuan yang ditubuhkan menjadi kuat, bahkan negeri-negeri itu juga kukuh.

"Umpamanya Kedah dan Perlis adalah antara negeri yang miskin di Malaysia yang hanya mempunyai padi, sedikit getah, kadang-kadang bijih timah yang tidak laku dan bahan-bahan lain seperti rotan dan kayu yang tidak berharga.

"Kalau negeri-negeri ini terasing daripada Malaysia, ia tidak boleh mengadakan peruntukan bukan sahaja untuk membangunkan

Oleh
AHMAD PUAD ONAH

negeri, tetapi tidak mempunyai sumber hasil untuk membayar gaji kakitangan kerajaan kerana Kedah dan Perlis tidak ada duit.

"Tetapi kerana negeri-negeri ini bersatu dalam Malaysia, kita bukan setakat boleh membayar gaji yang semakin meningkat bagi pegawai dan kakitangan kerajaan, bahkan dapat membangunkan Kedah dengan lebih pesat," ujarnya ketika berucap merasmikan bangunan Syarikat Perniagaan Peladang Mada (SPPM) setinggi 12 tingkat, di sini hari ini.

Menurutnya, persekutuan negeri-negeri dalam Malaysia menjadikan negara ini sama besar dengan Great Britain dan sebagai sebuah negara yang besar banyak perkara yang boleh dibuat.

Dapat peruntukan

"Sudah tentu mustahil bagi negeri Kedah mengadakan angkatan laut atau angkatan udaranya atau mengadakan bermacam usaha atau jabatan untuk mengendalikan pentadbiran," tambahnya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, sesebuah negeri secara bersendirian juga sudah tentu tidak mudah mendapat peruntukan kewangan atau pinjaman untuk melaksanakan pelbagai rancangan pembangunan.

"Misalnya, rancangan mengadakan tanaman padi dua kali setahun bukan mudah kerana ia memerlukan pembinaan saluran air dan empangan yang menelan belanja \$400 juta pada 1960 atau sama dengan \$2,400 juta nilai sekarang.

"Rancangan ini tidak mungkin dapat dibuat oleh Kedah atau Perlis. Tetapi, kerana negara ini bersekutu kita dapat menggunakan peruntukan daripada hasil yang dikutip dari negeri-negeri kaya seperti Selangor, Perak dan Johor," ujarnya.

Menurutnya, dengan cara itu Kedah dapat menumpang kekayaan negeri-negeri itu kerana ia bersekutu dengan mereka.

Perdana Menteri mengakui sesebuah negeri boleh meminjam dari negara-negara asing atau bank.

"Hendak pinjam duit bukan mudah kalau kita tidak mampu membayar balik. Kalau Kedah sahaja hendak pinjam dari bank untuk biaya pembinaan sistem perairan berharga \$400 juta, bank akan kata tidak boleh bagi, sebab tidak mampu.

"Tetapi, kerana kita sebahagian daripada Malaysia, kita dapat pinjaman wang yang banyak untuk menyediakan saluran air dan dengan saluran ini membolehkan kita menanam padi setahun dua kali dan menambah pendapatan peladang di kawasan Mada," ujarnya.